



K.K.L.I.U. Approval No: 1886/2014
UNTUK SIARAN SEGERA

TIADA LAGI KEBUTAAN AKIBAT KATARAK

VISTA Lancar Kempen Usaha Memerangi Katarak sebagai punca utama Kebutaan di Malaysia

Petaling Jaya, 24 September 2014 - Usaha memerangi katarak sebagai punca utama kebutaan di Malaysia bermula hari ini apabila **Pakar Mata VISTA (VISTA)**, yang turut disokong oleh rakan-rakan kempen dan universiti-universiti yang mengambil bahagian untuk melancarkan kempen **TIADA LAGI KEBUTAAN AKIBAT KATARAK** bersempena Hari Penglihatan Sedunia 2014.

Inisiatif 'Dialogue in the Dark' (DID) Malaysia dihadiri oleh **Encik Lim Boon Siong, Pengasas & Ketua Pegawai Eksekutif VISTA; Dr. Aloysius Low, Ketua Perunding Pakar Oftalmologi, Pakar Bedah Katarak dan Biasan; dan juga rakan-rakan kempen, Encik Stevens Chan Kum Fai, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengasas 'Dialogue in the Dark' (DID) dan SS Patricia, Pengarah Urusan Pat-Lin Communications.**

Mencabar peranan tradisional dengan menggalakkan mereka yang dapat melihat dengan sempurna menyertai satu pengalaman pengembaraan untuk merasai bagaimana hidup dalam kegelapan, tetamu dipandu dan dipimpin oleh orang buta melalui bilik gelap yang dibina khas di DID, di mana ciri-ciri persekitaran harian yang ditempuhi oleh orang buta diadaptasi agar tetamu memahami bagaimana hidup tanpa penglihatan; satu pengalaman yang berfungsi sebagai peringatan agar tidak sesekali mengambil mudah penjagaan penglihatan dan memastikan agar sentiasa melakukan pemeriksaan mata.

Turut hadir ialah wakil-wakil pelajar dari tiga buah universiti yang mengambil bahagian - **HELP University, Management & Science University (MSU) dan Universiti SEGi** sebagai menyokong usaha memerangi katarak; mendemonstrasi peranan **VISTA** dalam mendidik anak muda Malaysia dan memacu kesedaran sivik mengenai katarak dan kesannya terhadap kehidupan manusia.

"Sejajar dengan pelan Deklarasi Global Wawasan 2020 dan matlamat **VISTA** untuk membawa penglihatan rakyat daripada 'kabur kepada terang', kempen **Tiada Lagi Kebutaan Akibat**



Katarak merupakan inisiatif penting dan perlu dalam menghapuskan katarak sebagai punca utama terjadinya kebutaan di Malaysia. Melalui kempen ini, kami sedang berusaha untuk bukan sahaja meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai katarak serta rawatan tetapi juga menggalakkan penyertaan aktif daripada pelbagai pihak dalam memerangi katarak, terutamanya daripada golongan muda Malaysia seperti wakil pelajar kami di sini," kata **Boon Siong** pada majlis pelancaran tersebut.

VISTA akan memperuntukkan sumber serta dana sebanyak RM100,000 untuk kempen **Tiada Lagi Kebutaan Akibat Katarak** dalam merancang dan melaksanakan Projek Komuniti ini bersama pelbagai rakan kempen, untuk membantu memacu kesedaran awam mengenai kebutaan katarak. Kempen ini bukan sahaja memberi peluang kepada para pelajar untuk memainkan peranan mereka dalam menghapuskan kebutaan katarak yang boleh dicegah, tetapi juga merasai pengalaman Komuniti Projek yang sebenar dan akan memperolehi pengalaman kemahiran berharga yang dipindahkan kepada mereka seperti organisasi acara, penyelarasan dan pengurusan bajet, iaitu satu pengalaman yang tidak mudah diperolehi dalam bilik darjah dan dewan kuliah semata-mata.

Antara lain, projek ini memerlukan pasukan pelajar untuk menganjurkan atau menyertai Karnival Kesedaran Mata di Universiti, beberapa roadshow bergerak atau Seminar di luar Universiti, serta memulakan aktiviti mengumpul dana untuk badan kebajikan yang telah ditetapkan. Pasukan projek yang paling berkesan dan berjaya akan menerima anugerah Pejuang Katarak **VISTA**, sebuah trofi, wang tunai, berserta sijil pencapaian.

"Kami amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam kempen **Tiada Lagi Kebutaan Akibat Katarak**, di mana kami boleh bekerjasama dengan rakan-rakan kempen kami untuk memerangi katarak yang boleh memberi kesan kepada kualiti hidup kita.

Kami percaya bahawa dengan peningkatan kesedaran orang ramai mengenai keadaan dan pilihan rawatan, lebih ramai rakyat Malaysia akan dapat menikmati hidup melalui penglihatan yang baik dan sihat. Ini merupakan aspirasi kami bahawa inisiatif ini akan bertindak sebagai batu loncatan yang berdaya maju untuk menuju perjalanan yang berkekalan dan keputusan yang mampan dalam menghapuskan katarak sebagai punca utama menyebabkan kebutaan di Malaysia," kata **Patricia**.



Sebagai sebahagian daripada program Tanggungjawab Korporat (CR) VISTA, kempen **Tiada lagi Kebutaan Akibat Katarak** akan menawarkan saringan katarak dan penyakit-penyakit mata lain untuk orang awam di karnival keluarga di Pusat Pakar Mata VISTA. Semasa kempen ini berlangsung, mini DID akan dibangunkan di Pusat Pentadbiran di The Curve dan pelanggan boleh menjalani sesi pengalaman dengan pemandu buta.

Pelancaran tersebut turut memaparkan tayangan 'Adakah Anda Buta', sebuah filem pendek yang dihasilkan oleh Jason Lim Productions dan disokong oleh VISTA. Ini mencerminkan pelbagai cabaran hebat yang dihadapi oleh orang yang cacat penglihatan di Malaysia, menekankan perlunya peningkatan empati dan kesedaran orang ramai terhadap keadaan kebutaan.

Katarak bertanggungjawab terhadap 39% daripada semua kes-kes masalah penglihatan di Malaysia, menjadikannya punca utama kebutaan di kalangan rakyat Malaysia ¹.

"Hakikat bahawa rakyat masih mengalami kehilangan penglihatan akibat katarak seharusnya tidak berlaku, terutamanya memandangkan kebutaan akibat katarak boleh dicegah. Ini menunjukkan keperluan yang besar untuk meningkatkan kesedaran mengenainya, bagaimana keadaan ini boleh memberi kesan kepada kehidupan orang ramai dan pilihan rawatan yang ada. Rakyat perlu tahu kepentingan pemeriksaan mata yang kerap dan pembedahan katarak peringkat awal untuk mengurangkan komplikasi dan memastikan penglihatan yang sihat," kata **Dr. Aloysius**.

Tambah beliau, pembedahan katarak moden adalah salah satu prosedur paling selamat dan terima kasih kepada kebanyakan kemajuan teknologi dan inovasi selama ini.

Bercakap mengenai hidup dengan kebutaan dan konsep di sebalik produksi 'Adakah Anda Buta', **Stevens** berkongsi pandangan, "Kehilangan kemampuan untuk melihat adalah sesuatu yang amat menakutkan. Bercakap melalui pengalaman, ini merupakan satu cabaran yang besar untuk belajar menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru, melatih deria lain untuk menjadi lebih tajam bagi menggantikan kehilangan penglihatan. Keadaan ini turut memberi kesan kepada aspek mental dan emosi, mengurangkan keupayaan individu untuk menikmati kehidupan



dengan sepenuhnya. Oleh kerana itulah DID dibuat - untuk membantu mereka memahami bagaimana merasai kehilangan salah satu deria yang paling penting, dan untuk mencegah apa yang berlaku kepada saya daripada berlaku kepada orang lain. Kempen **Tiada Lagi Kebutaan Akibat Katarak** merupakan landasan terbaik di mana kami boleh meneruskan kerja-kerja kami, dan bersama-sama dengan VISTA, kami boleh membantu membasmi mencegah kebutaan, serta membantu mereka yang terjejas oleh katarak mendapat nafas baru."

Karnival keluarga VISTA dan saringan mata ini akan diadakan di Pusat Pakar Mata di The Curve, Klang dan Ampwalk di Ampang dari 10-12 Oktober 2014; dan di One City @ USJ25, Bangsar dan Johor dari 17-19 Oktober 2014. Pelajar Universiti juga akan mengambil bahagian dalam karnival ini melalui Projek Komuniti masing-masing sebagai sebahagian daripada komponen kempen penglibatan pelajar.

Projek Komuniti pelajar **Tiada Lagi Kebutaan Akibat Katarak** akan berlangsung selama lima bulan, bermula pada satu Majlis Anugerah yang akan diadakan pada Januari 2015.

Tamat

Dikeluarkan bagi pihak **PAKAR MATA VISTA** oleh **PAT-LIN COMMUNICATIONS SDN. BHD.** Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Usha Veerasamy di 03-7660 0400 samb. 521 atau 012-3210260 / Arun Ramany di 03-7660 0400 samb. 519 atau 012-354 0023 / atau e-mel ushav@patlin.com.my atau arun@patlin.com.my

Mengenai Pakar Mata VISTA (VISTA)

VISTA merupakan salah satu pembekal terkemuka bagi penjagaan mata sejak penubuhannya pada tahun 1999. Berdasarkan tahun pengalamannya dalam bidang ini, VISTA memahami keperluan untuk menangani dan menggalakkan pencegahan kebutaan. Oleh itu, VISTA amat menyokong pengesanan awal melalui pemeriksaan mata tahunan yang menyeluruh.

Bertepatan dengan slogan VISTA - 'daripada kabur kepada terang', VISTA komited untuk meningkatkan kualiti kehidupan pesakit mereka melalui kualiti penjagaan penglihatan, menggunakan teknologi moden dan amalan klinikal bagi menyediakan prosedur pembedahan penglihatan yang lebih selamat dengan hasil yang terbaik.

VISTA menawarkan pemeriksaan, rawatan dan perkhidmatan khidmat nasihat yang berkaitan dengan mata. Ini termasuk penjagaan mata umum & penilaian penglihatan, pemeriksaan & rawatan Glaukoma, penilaian & pemeriksaan penyakit mata penghidap diabetes dan lain-lain. VISTA juga menawarkan prosedur pembedahan penglihatan seperti pembedahan penglihatan & Astigmatisme jarak dekat, Penglihatan Membaca dan Pembedahan Katarak.